

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA UPACARA PERLETAKAN BATU ASAS HOSPITAL PANDAN**  
**DI HOSPITAL PANDAN, JOHOR BAHRU**  
**1 NOVEMBER 1999**

-----

Assalamu'alaikum warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

Yab Dato' Haji Abd. Ghani Bin Othman Menteri Besar Johor

Yb Dato' Chua Jul Meng Menteri Kesihatan Malaysia

Yb Dato' Haji Ali Hassan Dato' Speaker Dewan Undangan Negeri Johor

Y.Bhg. Tan Seri Dato' Dr Abu Bakar Bin Suleiman Ketua Pengarah Kesihatan, Kkm.

Datuk-Datuk / Datin-Datin / Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekelian

Syukur alhamdulillah kerana dapat kita semua bersama- sama hadir di majlis yang berbahagia ini, semuga majlis ini adalah majlis yang direstui dan di berkati.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur majlis ini kerana telah menjemput saya hadir dan memberi peluang untuk berucap sepatah dua kata dan seterusnya menyempurnakan upacara meletakkan batu asas untuk Hospital Pandan ini.

3. Dalam usaha kerajaan membangunkan negara, kesihatan dan kesejahteraan rakyat adalah merupakan salah satu daripada perkara yang penting, untuk menentukan kelancaran dan kejayaan yang besar untuk sektor kesihatan. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM 3.42 billion kepada kementerian kesihatan bagi melaksanakan 1362 projek pembangunan. Untuk negeri Johor, kerajaan pusat telah memperuntukkan sejumlah RM 336,390,968 pada tahun 1999 kepada sektor kesihatan untuk pelbagai program pengurusan dan pembangunan. Iaitu pertambahan sebanyak 13.3% berbanding dengan peruntukan sejumlah RM 296,835,926 pada tahun 1998.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Kerajaan pusat telah meluluskan peruntukan keseluruhan sebanyak RM 169,655 juta untuk 117 projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk sektor kesihatan di negeri Johor. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kesihatan kerana di negeri Johor ini sebanyak 29 projek pembangunan telah disiapkan sehingga bulan September 1999. Di antaranya termasuk 3 buah hospital nukleus yang baru, pusat pembedahan jantung kardiothorasik di Hospital Sultanah Aminah, pembangunan semula hospital mual dan pembinaan beberapa buah pusat kesihatan di merata negeri.

5. Sebanyak 47 projek pembangunan sedang dalam pembinaan termasuk yang hampir siap. Di antaranya ialah projek pembangunan semula Hospital Sultanah Aminah, makmal kesihatan awam dan beberapa buah klinik kesihatan dan klinik desa yang baru, termasuk juga Hospital Pandan. Ssebanyak 29 projek dalam pra-pelaksanaan sehingga bulan dalam tempuh yang sama.

6. Untuk menentukan kesihatan dan kesejahteraan rakyat, saya telah difahamkan bahawa berbagai program kesihatan awam telah di rangka dan dilaksanakan di negeri Johor ini. Di antaranya adalah aktiviti pembangunan kesihatan keluarga, iaitu di mana tumpuan diberikan kepada program kesihatan ibu dan kanak-kanak. Perkhidmatan ini disediakan menerusi satu sistem kesihatan luar bandar yang merangkumi klinik bidan, klinik desa dan pusat kesihatan. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, program ini telah berkembang dengan tumpuan diberikan kepada tiga aktiviti utama iaitu penjagaan kesihatan keluarga prime, kesihatan keluarga dan pemakanan. Disamping itu juga diperkenalkan aktiviti-aktiviti klinik kita sihat, klinik remaja, klinik warga tua, kesihatan mental, kesihatan pekerjaan dan klinik kanak-kanak dengan keperluan khas.

7. Di negeri Johor ini aktiviti-aktiviti tersebut dijalankan melalui 75 buah klinik kesihatan, 7 buah klinik kesihatan ibu dan anak dan 271 buah klinik desa yang telah dibina secara berperingkat oleh kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Di dalam program penjagaan perubatan ambulatory, saya telah dimaklumkan bahawa negeri Johor telah mempunyai 11 buah hospital, iaitu sebuah di Batu Pahat, Segamat, Keluang, Kota Tinggi, Pontian dan Mersing, dua buah di Muar dan tiga buah di daerah Johor Bahru.

9. Hospital Sultanah Aminah adalah merupakan salah satu hospital yang memberikan perkhidmatan penjagaan sekunder dan tertiar. Di antara perkhidmatan tertiar yang telah diwujudkan di Hospital Sultanah Aminah adalah perkhidmatan pembedahan jantung kardiothorasik yang mana telah diwujudkan dan mula beroperasi pada akhir tahun 1966. Perkhidmatan ini telah diwujudkan kerana kerajaan memandangkan bahawa keperluan untuk perkhidmatan pembedahan jantung adalah amat akut, walaupun setelah ujudnya institut jantung negara dan pusat perkhidmatan pembedahan jantung kardiothorasik di Hospital Pulau Pinang. Pusat ini memberikan perkhidmatan terutamanya kepada penduduk dan rakyat negeri Johor, juga penduduk-penduduk di wilayah selatan Semenanjung dan Sabah serta Sarawak. Saya mengucapkan tahniah di atas kejayaan ini iaitu di mana sejumlah 1,248 pembedahan jantung telah dapat dilaksanakan oleh unit perkhidmatan kardiothorasik sejak ianya beroperasi sehingga akhir bulan September 1999 ini.

10. Hospital Sultanah Aminah adalah juga sebuah hospital besar yang sibuk serta mempunyai beban kerja yang tinggi iaitu yang kedua selepas Hospital Kuala Lumpur, dengan bilangan kemasukan pesakit seramai 65,319 pesakit dan kadar penggunaan katil 80.1% pada tahun 1998. Oleh itu sering berlaku kesesakan dan perlu diatasi dengan segera.

11. Kerajaan memandang berat masalah kesesakan yang berlaku di Hospital Aminah, yang mana telah menyebabkan perkhidmatan tidak dapat diperkembangkan dengan baik. Sehubungan dengan itu selain daripada merancang dan melaksanakan rancangan pembangunan semula yang sedang dilaksanakan di Hospital Sultanah Aminah, kerajaan telah merancang dan membangunkan sebuah lagi hospital yang akan memberikan perkhidmatan penjagaan sekunder dan tertiar di Pandan, mukim Tebrau dalam daerah Johor Bahru iaitu sebagai "complimentary" kepada Hospital Sultanah Aminah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Hospital Pandan ini diharapkan boleh menampung dan memberikan khidmat kepada penduduk-penduduk daripada daerah Johor Bahru yang mana mempunyai pertumbuhan penduduk yang tertinggi dibandingkan dengan daerah-daerah lain di negeri Johor. Hospital ini juga akan memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk daripada daerah berdekatan seperti Kota Tinggi, Kluang, Pontian dan Mersing dan juga sebagai pusat rujukan untuk wilayah selatan Semenanjung, termasuk Sabah dan Sarawak.

13. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri Johor kerana telah memperuntukkan tanah seluas 50.58 ekar di Pandan, mukim Tebrau, dalam daerah Johor Bahru untuk tujuan pembinaan Hospital Pandan ini. Sementara itu kerajaan pusat telah meluluskan peruntukkan sejumlah RM 557,843,175 bagi membiayai projek ini. Apabila siap kelak hospital ini akan mempunyai 704 katil, 18 buah dewan bedah dan 20 buah wad.

14. Hospital ini juga akan menyediakan kemudahan kediaman anggota hospital yang terdiri daripada blok kelas 'C' dan 'D' 58 unit, blok kelas 'F' dan 'G' 110 unit dan asrama jururawat 181 unit.

15. Hospital Pandan ini akan menawarkan 16 jenis perkhidmatan kepakaran termasuk perkhidmatan geriatrik, onkologi dan haematologi, iaitu perkhidmatan-perkhidmatan yang pada masa ini tidak terdapat di Hospital Sultan Aminah.

16. Hospital ini juga akan menjadi hospital rujukan untuk perkhidmatan radiotherapi dan onkologi untuk wilayah selatan Semenanjung dan juga mempunyai kemudahan makmal prestasi tinggi termasuk haematologi dan mammographi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

17. Dalam membangunkan negara, kita tidak akan mempunyai upaya daya saing tanpa melibatkan teknologi maklumat yang terkini dalam semua perancangan kita. Oleh itu ciri utama hospital Pandan ini seperti juga Hospital Selayang ialah merangkumkan teknologi maklumat di dalam keseluruhan perkhidmatannya iaitu hospital "tanpa kertas dan filem" (paperless and filmless). Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian kesihatan kerana perancangannya yang sememangnya diatur supaya berupaya menghadapi cabaran millinium yang baru.

18. Saya telah dimaklumkan bahawa projek pembinaan Hospital Pandan ini telah pun dimulakan sejak 30 Mac 1999 dan dijangka siap pada 29 Julai 2002.

19. Saya berharap dan berdoa supaya projek ini dapat disempurnakan dengan jayanya dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebarang masalah. Oleh itu penyelarasan yang sempurna dan kerjasama yang erat perlu diutamakan oleh semua pihak, pihak pengarah projek, kontraktor, kementerian kesihatan dan semua agensi yang terlibat sama ada agensi negeri atau agensi pusat, agensi kerajaan atau bukan kerajaan.

20. Juga saya berharap hospital ini akan menjadi sebuah hospital yang berprestasi tinggi yang dapat memberi manfaat dan perkhidmatan yang sempurna dan cemerlang kepada rakyat jelata.

21. Buat akhir kata saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian kesihatan kerana usahanya untuk menyediakan satu lagi kemudahan yang canggih dan terkini untuk rakyat, khususnya rakyat negeri Johor ini.

Terima kasih.